Utusan Borneo: 04 November 2026

Wanita asing miliki syabu didenda RM3,000

MIRI: Seorang wanita warga asing didenda RM3,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Tertuduh, Zhang Qin, 40, dari China, mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta sama yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah ditahan pada jam 2.02 petang, 30 Jun lalu di sebuah pusat refleksologi di Pusat Komersial Pelita di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan dadah.

Semasa ditahan, polis turut merampas satu kotak rokok berisi satu peket plastik lutsinar mengandungi ketulan-ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis Methamphetmine (syabu) seberat 0.13 gram (g).

Berikutan itu, tertuduh kemudian ditangkap serta dibawa ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri untuk tindakan lanjut.

Manakala barang disyaki dadah turut dirampas untuk dijadikan barang kes dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisis.

Hasil analisis mengesahkan ia adalah dadah jenis methamphetamine seberat 0.01g.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Farhan Mohd Pauzi di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.